

**TATACARA PEROLEHAN BAGI WANG PERUNTUKAN SEMENTARA  
UNTUK KERJA, BEKALAN ATAU PERKHIDMATAN 'PAKAR'  
(KONTRAK BERDASARKAN JKR 203/203A)**

<p align="center"><b>Perolehan Tidak Melebihi RM200,000 Secara Sebutharga</b></p>	<p align="center"><b>Perolehan Melebihi RM200,000 Secara Tender*</b></p>
<p>a) Wakil P.P menyediakan Spesifikasi / Kehendak Kerajaan / rekabentuk dan menyerahkan kepada Kontraktor.</p> <p>b) Kontraktor menyediakan dokumen Sebutharga berdasarkan Spesifikasi / Kehendak Kerajaan / rekabentuk tersebut dan mengemukakannya berserta dengan cadangan nama-nama subkontraktor / pembekal /pengkhidmat yang berkeelayakan untuk pertimbangan / kelulusan Wakil P.P.</p> <p>c) Wakil P.P membuat semakan sewajarnya dan menyediakan senarai nama-nama subkontraktor / pembekal / pengkhidmat yang sesuai untuk mendapatkan Sebutharga.</p> <p>d) Wakil P.P memastikan dokumen Sebutharga teratur dan memutuskan senarai nama-nama subkontraktor / pembekal / pengkhidmat untuk mendapatkan Sebutharga. Bilangan nama-nama tersebut hendaklah sedapat mungkin tidak kurang daripada lima (5) dan terdiri dari campuran nama-nama pilihan Wakil P.P dan nama-nama yang dicadangkan oleh Kontraktor.</p> <p>e) Dokumen Sebutharga secukupnya disediakan oleh Kontraktor dan Wakil P.P akan mempelawa Sebutharga dari subkontraktor / pembekal / pengkhidmat yang disenaraikan. Subkontraktor / pembekal / pengkhidmat dikehendaki mengemukakan Sebutharga masing-masing dalam dua (2) salinan.</p> <p>f) Sebutharga hendaklah ditutup di pejabat Wakil P.P pada satu tarikh dan masa yang ditetapkan.</p> <p>g) Sebutharga hendaklah dibuka oleh satu Jawatankuasa yang terdiri dari Wakil-wakil P.P dan Kontraktor.</p> <p>h) Satu (1) set salinan sebutharga hendaklah disimpan di pejabat Wakil P.P dan satu (1) set diserahkan kepada wakil Kontraktor untuk penilaian.</p>	<p>a) Wakil P.P menyediakan Spesifikasi / Kehendak Kerajaan / rekabentuk dan menyerahkan kepada Kontraktor.</p> <p>b) Kontraktor menyediakan dokumen tender berdasarkan Spesifikasi / Kehendak Kerajaan / rekabentuk tersebut serta Borang JKR 203N / JKR 203P dan mengemukakannya berserta dengan cadangan nama-nama subkontraktor / pembekal / pengkhidmat pilihannya untuk pertimbangan / kelulusan Wakil P.P.</p> <p>c) Wakil P.P hendaklah menyemak senarai nama subkontraktor / pembekal / pengkhidmat yang dicadang oleh Kontraktor dan menyediakan senarai nama subkontraktor / pembekal / pengkhidmat pilihannya. Subkontraktor /pembekal / pengkhidmat yang dicadangkan hendaklah berdaftar dengan LPIPM dan PKK dalam kelas, dengan kepala / subkepala yang berkaitan atau Kementerian Kewangan serta pihak-pihak berkuasa yang berkaitan (contohnya TNB, Telekom, JBA).</p> <p>d) Wakil P.P memastikan dokumen tender teratur dan memutuskan senarai nama-nama subkontraktor / pembekal / pengkhidmat untuk mendapatkan tender. Bilangan nama-nama tersebut hendaklah sedapat mungkin tidak kurang daripada lima (5) dan terdiri dari campuran nama-nama pilihan Wakil P.P dan nama-nama yang dicadangkan oleh Kontraktor.</p> <p>e) Dokumen Tender secukupnya disediakan oleh Kontraktor dan Wakil P.P akan mempelawa tender dari subkontraktor / pembekal / pengkhidmat yang disenaraikan.</p> <p>f) Tender hendaklah ditutup di pejabat Wakil P.P pada satu tarikh dan masa yang ditetapkan.</p> <p>g) Tender hendaklah dibuka oleh satu Jawatankuasa yang terdiri dari Wakil-wakil P.P dan Kontraktor.</p> <p>h) Wakil P.P membuat penilaian tender-tender yang diterima dan memperakukan tender terendah yang boleh diterima dari segi teknikal.</p>

\* Tidak tertakluk kepada Arahan Perbendaharaan mengenai tatacara perolehan dan penerimaan tender.

**TATACARA PEROLEHAN BAGI WANG PERUNTUKAN SEMENTARA  
UNTUK KERJA, BEKALAN ATAU PERKHIDMATAN 'PAKAR'  
(KONTRAK BERDASARKAN JKR 203/203A)**

<p align="center"><b>Perolehan Tidak Melebihi RM200,000 Secara Sebutharga</b></p>	<p align="center"><b>Perolehan Melebihi RM200,000 Secara Tender*</b></p>												
<p>i) Kontraktor membuat penilaian sebutharga-sebutharga yang diterima dan mengesyorkan kepada Wakil P.P sebutharga terendah yang boleh diterima dari segi teknikal.</p> <p>j) Wakil P.P mengkaji pengesyoran Kontraktor dan boleh berunding untuk menetapkan harga / kadar harga yang munasabah berasaskan sebutharga terendah yang diperakukan.</p> <p>k) Harga yang akan diperakukan adalah harga keseluruhan termasuk tambahan bagi kos pengurusan, keuntungan dan layanan (attendance) sebagaimana ditetapkan dalam Kontrak atau, jika tiada, hendaklah tidak melebihi 7.5% bagi kos pengurusan, keuntungan dan layanan Kontraktor (bergantung kepada tahap kesukaran/ penglibatan Kontraktor). Walau bagaimanapun, sekiranya Kontraktor Utama terpilih untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut, kos pengurusan, keuntungan dan layanan ini tidak akan dibayar. Yuran perunding boleh dipertimbangkan jika rekabentuk disediakan oleh Kontraktor.</p> <p>l) Wakil P.P hendaklah mengemukakan permohonan kepada Jawatankuasa Perubahan Kerja <b>Peringkat Pengarah Negeri/Jurutera Projek</b> untuk kelulusan harga dengan menggunakan <b>Borang F</b>.</p> <p>m) Wakil P.P mengarahkan Kontraktor untuk melaksanakan kerja / bekalan / perkhidmatan berkenaan dengan harga yang dipersetujui.</p>	<p>i) Harga yang akan diperakukan adalah harga keseluruhan termasuk tambahan bagi kos pengurusan, keuntungan dan layanan (attendance) sebagaimana ditetapkan dalam Kontrak atau, jika tiada, hendaklah tidak melebihi kadar berikut berdasarkan nilai perolehan dan tahap kesukaran/penglibatan Kontraktor:</p> <table border="1" data-bbox="922 699 1495 961"> <thead> <tr> <th><u>Nilai Perolehan</u></th> <th><u>Kadar Maksimum</u></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>RM500,000 ke bawah</td> <td>7.5%</td> </tr> <tr> <td>&gt; RM500,000 – RM1 juta</td> <td>5%</td> </tr> <tr> <td>&gt; RM1 juta – RM5 juta</td> <td>4%</td> </tr> <tr> <td>&gt; RM5 juta – RM10 juta</td> <td>3%</td> </tr> <tr> <td>&gt; RM10 juta</td> <td>&lt;3%</td> </tr> </tbody> </table> <p>Walaupun bagaimanapun, sekiranya Kontraktor Utama terpilih untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut, kos pengurusan, keuntungan dan layanan ini tidak akan dibayar. Yuran perunding boleh dipertimbangkan jika rekabentuk disediakan oleh Kontraktor.</p> <p>j) Wakil P.P hendaklah mengemukakan permohonan kepada Jawatankuasa Perubahan Kerja yang berkenaan untuk kelulusan harga dengan menggunakan <b>Borang F</b>.</p> <p>k) Wakil P.P memaklumkan keputusan Jawatankuasa Perubahan Kerja kepada Kontraktor dan mengarahkan Kontraktor melantik pentender yang diluluskan dengan harga yang dipersetujui.</p> <p>l) Perlantikan Subkontraktor / Pembekal / Pengkhidmat dan penyediaan dokumen Subkontrak disediakan oleh Kontraktor dengan menggunakan Borang Piawai yang berkaitan dan mengandungi peruntukan untuk bayaran terus dibuat kepada Subkontraktor / Pembekal / Pengkhidmat berkenaan.</p>	<u>Nilai Perolehan</u>	<u>Kadar Maksimum</u>	RM500,000 ke bawah	7.5%	> RM500,000 – RM1 juta	5%	> RM1 juta – RM5 juta	4%	> RM5 juta – RM10 juta	3%	> RM10 juta	<3%
<u>Nilai Perolehan</u>	<u>Kadar Maksimum</u>												
RM500,000 ke bawah	7.5%												
> RM500,000 – RM1 juta	5%												
> RM1 juta – RM5 juta	4%												
> RM5 juta – RM10 juta	3%												
> RM10 juta	<3%												

\* Tidak tertakluk kepada Arahan Perbendaharaan mengenai tatacara perolehan dan penerimaan tender.